

Kalau gagal jejas maruah Melayu - Dr. M

UM 24 NOV. 1982

JOHOR BAHRU 23 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kegagalan projek membina kampus induk Universiti Teknologi Malaysia, dekat sini, akan menjejaskan maruah dan kehormatan orang Melayu.

"Dalam keadaan demikian kita tidak boleh salahkan orang lain jika mereka tidak menghormati kita," tegas Perdana Menteri.

Sebalik itu, tambahnya, kejayaan projek tersebut akan menjadi lambang kebolehan orang Melayu dalam bidang pembinaan.

Beliau berucap kepada 310 orang belia bumiputera pelatih di Kem Latihan Kemahiran Kobena-Sambu di Kilometer 24 Jalan Pontian. Kem itu adalah pusat latihan kemahiran bidang binaan dan mereka yang sudah mahir diambil bekerja di tapak binaan kampus UTM.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin para belia pelatih atau lepasan kem itu tidak akan mengecewakan harapan negara, kerana mereka adalah golongan berdisiplin dan terlatih dengan cara dan etika kerja orang

Korea yang mementingkan kerajinan. Ini merupakan kali kedua dalam tahun ini beliau melawat kem itu.

Beliau menambah, kalau ada disiplin dan semangat untuk bekerja, kecekapan dan kekuatan akan datang dengan sendirinya.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa orang Melayu masih ketinggalan dalam menguasai teknologi moden dalam bidang pembinaan.

Beliau mengingatkan, kalau orang Melayu sendiri masih enggan meningkatkan keupayaan menggunakan teknologi moden, nescaya mereka akan tertinggal lebih jauh.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, setengah-setengah daripada teguran terhadap keupayaan orang Melayu dalam bidang pembinaan adalah berasas.

Katanya, kerja orang Melayu tidak sempurna kerana mereka tidak ada semangat dan minat untuk bekerja walaupun seperti orang lain mereka

mempunyai kebolehan.

Beliau menambah, malahan ada orang Melayu sendiri kurang yakin akan keupayaan kontraktor-kontraktor bumiputera untuk menyiapkan sesuatu projek.

Perdana Menteri menegur sikap setengah-setengah orang Melayu yang masih bersikap mereka senantiasa boleh meminta kerajaan membantu mereka.

Beliau lalu menegaskan sikap yang menganggap negara ini negeri sendiri dan kerajaan boleh melindungi kepentingan akan hanya melemahkan orang Melayu sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata orang lain ketika berdepan-depan mungkin takut kepada orang Melayu yang masih bersikap demikian tetapi

apabila di belakang, orang Melayu ditertawakan.

Turut mengiringi lawatan itu ialah Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta komandan kem, Encik Sur Lachan Singh.

Perdana Menteri kemudian melawat Limbungan Kapal Malaysia (MSE) di Pasir Gudang.